

Perpaduan Melayu bantu capai Wawasan 2020

BA - 23/11/2006

Oleh Kamal Ahmad

UMNO tidak ada masa lagi untuk berlengah dan bertelagah sesama sendiri. Apa yang lebih penting melaksanakan pelbagai agenda pembangunan ekonomi dan sosial yang sudah dirangka menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Mandat daripada Perhimpunan Agung Umno, minggu lalu sememangnya jelas supaya kerajaan yang ditunjangi Umno melaksanakan program yang disusun bagi memastikan Melayu terus berdaya saing dalam negara mahupun di persada dunia.

Sudah pasti, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno bulan depan akan membuat semakan dan imbasan mengenai isu, keluhan, rintihan dan harapan daripada akar umbi Melayu yang dibangkitkan pada perhimpunan lalu. Ia kemudian perlu disalurkan kepada kementerian berkaitan untuk diperinci, dirancang dan seterusnya dilaksanakan.

"Ramai ahli MT Umno adalah menteri kanan dalam kerajaan. Jadi, saya yakin mereka akan mencernakan usul dan rumusan perbincangan tempoh hari bagi tindakan segera atau memasukkannya untuk tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan," kata Ketua Penerangan Umno, Senator Tan Sri Muhammad Muhd Taib, ketika dihubungi, baru-baru ini.

Malah, pelantikan Muhammad sebagai senator boleh dimanfaatkan bagi mengurangkan kepentingan dan survival Melayu keseluruhan melalui satu platform, mungkin di Jabatan Perdana Menteri. Platform itu sudah semestinya kritikal dan strategik untuk memastikan pembabit Melayu dalam RMK-9 serta semua aspek pembangunan negara selepas ini.

Menerusi platform itu juga Umno contohnya, boleh meneliti rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor melalui kaca mata strategik dan survival selain sosioekonomi Melayu.

Umno perlu sensitif setakat mana penyertaan Melayu, monopoli pelabur Singapura, kemampuan penyertaan pelabur Bumiputera, daya tahan penduduk Melayu diasingkan dalam bandar serta perubahan polar sosioekonomi apabila WPI menjadi metropolitan.

Selain itu, kajian juga perlu dibuat mengenai cara mengekalkan pemilikan hartanah, imej Melayu dan kawasan penempatan Melayu dalam bandar yang ketika ini diperatuskan semakin membimbangkan.

Wakil dalam perhimpunan tempoh hari

INTI PATI

- Kerajaan perlu melaksanakan program yang disusun bagi memastikan Melayu terus berdaya saing dalam negara mahupun di persada dunia.
- Kajian perlu dilakukan bagi mengekalkan pemilikan hartanah, imej Melayu dan kawasan penempatan Melayu dalam bandar yang semakin membimbangkan.
- Penyiaran bahan import di media juga wajar dikaji agar tidak mengikis nilai dan budaya Melayu serta terselit propaganda yang boleh melunturkan norma dan patriotisme.
- Cadangan ditubuhkan Kementerian Penerangan dan Komunikasi dilihat sebagai tindakan strategik untuk mewujudkan media yang lebih bertanggungjawab.
- Gejala sosial seperti penagihan dadah dan jangkitan HIV yang menjadi punca utama kelemahan jati diri orang Melayu perlu dibanteras secara besar-besaran.
- Sektor pertanian yang menjadi sandaran dan peluang terakhir kebangkitan Melayu perlu dimanfaatkan bagi melonjakkan angka peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara.

juga cukup hebat membahaskan peranan media.

Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad, misalnya membidas filem dan drama Melayu yang semakin berani memaparkan adegan mencolok mata. Beliau turut kesal penyiaran siri drama Melayu dan alih bahasa di TV yang boleh melalaikan.

Berikutan itu, kerajaan harus melihat semula kemungkinan mengeluarkan atau mengasingkan 'penyiaran' (broadcasting) daripada skop telekomunikasi untuk dipantau semula oleh Kementerian Penerangan.

Kualiti, isi bahan siaran, kandungan propaganda, kesan awam, bahasa dan norma budaya sesuatu bahan siaran harus menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan seperti tugas asal. Ketika ini, penyiaran dipantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Kerajaan juga harus mengkaji supaya bahan import yang disajikan tidak dibeli secara tangkap muat hingga mengikis nilai dan budaya Melayu serta terselit propaganda yang boleh melunturkan norma dan patriotisme.

Pada masa sama, kerajaan tidak boleh menyetepikan cadangan ditubuhkan Kementerian Penerangan dan Komunikasi seperti dilakukan kebanyakan negara kerana bidang itu saling berkait serta membabitkan kepentingan awam. Langkah menggabungkan dua sektor juga dilihat tindakan strategik untuk mewujudkan media yang lebih bertanggungjawab kepada rakyat dan kerajaan.

Umno juga perlu serius membangunkan pertanian. Sektor yang kini diangkat menjadi satu lagi tunjang ekonomi dan sosial negara itu perlu disertai Melayu. Umno perlu bijak mengagihkan peluang, ruang dan kewangan untuk usahawan petani menceburi pertanian.

Ini satu-satunya sektor yang tinggal dan boleh dimonopoli Melayu sekali gus melonjakkan angka peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara. Selepas Melayu gagal dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pemilikan saham, sektor pembinaan serta perniagaan runcit lain maka sektor pertanian menjadi sandaran dan peluang terakhir kebangkitan Melayu sebagai dalam ekonomi negara.

Memandangkan majoriti petani adalah Melayu dan Bumiputera maka memajukan sektor pertanian juga bermakna memajukan sosioekonomi mereka.

Ini juga baik untuk mengukuhkan lagi akar umbi Umno selain mengembalikan semula sokongan serta minat sesetengah petani yang selama ini terpengaruh dakyah pembangkang.

Sepatutnya Umno memberikan tumpuan kepada sektor pertanian kerana di situ datangnya sokongan sebenar dan terbesar Melayu kepada kerajaan. Andai Umno mahu Felda dikembangkan semula, pastikan penerokanya tidak dipengaruhi pembangkang.

Selain itu, usaha memperkasa perpaduan Melayu perlu diteruskan. Dengan mengandaikan pilihan raya umum diada-

kan setahun dua lagi maka barisan kepimpinan dan orang Melayu perlu padu.

Isu perbezaan pendirian dan kefahaman yang dicituskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, perlu diselesaikan.

Umno dan akar umbi Melayu mesti menerima hakikat bahawa matlamat pucuk kepimpinan adalah untuk melakukan yang terbaik demi Melayu, Islam dan negara.

Oleh itu, kita kini semakin serasi dengan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Umno perlu memastikan apa saja berlaku dalam parti dan akar umbi tidak akan menggadai serta melemahkan kuasa politik Melayu.

Yang tersirat di sebalik ucapan pemimpin kanan Umno pada perhimpunan itu ialah survival Melayu, bangsa dan negara dalam dunia tanpa sempadan sekarang. Persiapan diri mesti dibuat oleh Umno dan Melayu jika mahu nusa serta bangsa ini terus wujud.

Malah dasar *pre-emptive* yang semakin popular diamalkan kuasa besar serta sekutunya di seluruh dunia menagih Umno dan Melayu sentiasa berfikir serta bertindak strategik.

Umno, walaupun tidak pernah menyentuh secara serius dalam perhimpunan, perlu menyelesaikan isu penagihan dadah, mengekang jangkitan HIV, membanteras gejala sosial serta mencabut akar hendonisme yang kini menunjangi kehidupan Melayu.

Semua gejala ini kini menyumbang kepada punca utama kelemahan jati diri orang Melayu. Selepas mengetahui semua ini ancaman dan racun kepada Melayu maka tanggungjawab Umno menyelesaikan dengan bertindak tegas secara besar-besaran membanterasnya. Gembleng seluruh jentera kerajaan dan setiap ahli Umno untuk memerangi dadah dan gejala sosial kerana ia pasti akan berjaya.

Sementara itu, calon pemidato juga harus melalui tapisan dan membuktikan pencapaian kelayakan supaya perbincangan lebih mantap, kritis tetapi berhasrat, pedas tetapi bernas serta relevan dengan usul. Perhimpunan Umno negeri harus bertanggungjawab untuk menampilkan pembahas yang bagus dan berasa malu jika pembahas mereka 'membuat lawak bodoh' dan hujahnya seperti tin kosong.

Turut semakin ketara kali ini ialah seroroh tidak lagi bertapis. Istilah dua makna digunakan dan cenderung kepada kelucahan walaupun lazimnya perwakilan ter-tawa.